

ISU KEGANASAN RUMAH TANGGA

Pelaku boleh diusir keluar dari rumah

● Mahkamah beri hak penghunian eksklusif kepada mangsa dera

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pelaku keganasan rumah tangga sama ada suami atau isteri boleh 'diusir' keluar dari rumah sendiri sekiranya mangsa membuat laporan pihak berkuasa.

Tindakan itu mengikut Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) (pindaan) 2017, yang dikuatkuasakan pada Januari lalu, bagi memberi hak penghunian eksklusif kepada mangsa selepas mendapat perintah mahkamah.

Pengarah Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Ru-

haini Zawawi, berkata mangsa boleh mendapatkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) di bawah Seksyen 2 (a) dan (b), iaitu apabila mangsa berada dalam ketakutan dicederakan secara fizikal.

Katanya, pegawai JKM perlu mengeluarkan EPO dalam tempoh dua jam selepas permohonan dan menyerahkan satu salinan kepada pegawai polis di daerah kediaman pelaku dalam masa 10 jam dikeluarkan.

Tingkat perlindungan
EPO perlu diserahkan pegawai polis kepada pelaku dalam masa 12 jam.

"Akta bertujuan meningkatkan perlindungan, memelihara kebahagiaan dan keharmonian institusi keluarga.

"Atas perintah mahkamah, pelaku sama ada suami atau isteri diarah keluar rumah bagi memberi mangsa masa bersendirian.

"Jangan sewenang-wenangnya melakukan penderaan walaupun rumah itu hak milik bersama," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian pada



Dari kiri, Ruhaini, Mohamed Faizal dan Mohd Radzi Shah pada Forum Isu-Isu Berkemajuan Jenayah Seksual Kanak-Kanak dan Keganasan Rumah Tangga, di Kuala Lumpur, semalam.



Pelaku sama ada suami atau isteri dengan perintah mahkamah diarah keluar rumah bagi memberi mangsa masa bersendirian. Jangan sewenang-wenangnya melakukan penderaan walaupun rumah itu hak milik bersama"

Ruhaini Zawawi,
Pengarah Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, JKM

Forum Isu-Isu Berkemajuan Jenayah Seksual Kanak-Kanak dan Keganasan Rumah Tangga.

Program itu anjuran bersama Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Jabatan Pembangunan Wanita Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia Kuala Lumpur (MCPF).

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Bantuan Guaman Malaysia, Datuk Haini Hassan; Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Dasar Jabatan Bantuan Guaman, Mohamed Faizal Mohamed Fedder; Pengarah Bahagian Litigasi dan Nasihat Sivill, JBG, Mohd Radzi Shah Abd Razak serta Pertunding Keselamatan dan Pertahanan Diri merangkap EXCO MCPF, Saiful Hamiruzzaman Mohd Hazir.

Tafsiran keganasan diperluas
Ruhaini berkata, tafsiran keganasan rumah tangga kini diperluas bukan sahaja berbentuk penderaan fizikal, tetapi juga mental dan membabitkan kewangan.

Katanya, sebagai contoh, pelaku dengan curang menggelapkan har-

ta mangsa sehingga menyebabkan mangsa mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan.

"Bentuk keganasan rumah tangga turut merangkumi ugutan dengan niat menyebabkan talat keselamatan diri atau harta, pihak ketiga berhubung dengan mangsa atau dengan niat mengabaikan kehormatannya melalui elektronik dan sebagainya," kata beliau.

Berdasarkan laporan, rata-rata mangsa memberi tindak balas mereka tidak mendapat perlindungan dan pada masa sama tidak mahu suami atau pasangan ditangkap.

"Oleh itu, pindaan akta dituluskan Dewan Negara, pada 14 Ogos 2017 itu dan dikuatkuasakan pada 1 Januari lalu, hubungan kekeluargaan masih dapat dipelihara," katanya.

Program pemulihan disediakan oleh JKM terhadap mangsa dengan persetujuannya, manakala pelaku perlu menjalani program itu atas perintah mahkamah.

Berdasarkan rekod JBG, sebanyak 700 kes keganasan rumah tangga dilaporkan, pada tahun lalu.